



**EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK
DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG**

Anastasia Anak Hyacinth

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2017**

EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK DARIPADA
KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG

ANASTASIA ANAK HYACINTH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan
kepipjian (Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2017

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade : _____

Please tick (✓)

Final year project Report

Masters


PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the ..19.. day of ..June.. 2017.

Student's declaration :

I ANASTASIA ANAK HYACINTH (40561) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART hereby declare that the work entitled EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG is my original work . I have not copied from any other student's work or from any other sources except where due references or acknowledgements made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.


ANASTASIA ANAK HYACINTH (40561)

19/06/2017
Date submitted

Sepervisor's declaration :

I EN. ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI hereby certifies that the work entitled EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG prepared by the above student, name and was submitted to the "FACULTY" as a* partial /full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY), and the aforementioned work , to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: 
(EN. ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI)


DATE 19/06/2017

PENGAKUAN

Projek bertajuk **EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG** telah disediakan oleh **ANASTASIA ANAK HYACINTH** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(**TEKNOLOGI SENI REKA**).

Diterima untuk diperiksa oleh:


(EN.ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI)


Tarikh :

19/08/2017

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya , **ANASTASIA ANAK HYACINTH** disertai penulisan yang bertajuk **EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Teknologi Seni Reka** diterima .

Disahkan oleh :


Asrul Asshadi Mohamad Morni
Pensyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(EN.ASRUL ASSHADI BIN MOHAMAD MORNI)

Penyelia

Lampiran E



UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**EKSPERIMENTASI KOMBINASI TEKNIK SULAM DAN CETAK
DARIPADA KULIT KAYU TEKALONG UNTUK REKAAN BEG**

BORANG VALIDASI

Kajian ini mengenai **Eksperimentasi kombinasi teknik sulam dan cetak daripada kulit kayu tekalong untuk rekaan beg** . Borang validasi ini merupakan kumpulan data tambahan yang akan dianalisa untuk mengetahui keberkesanan kajian ini. Borang validasi ini mempunyai 4 soalan latar belakang responden dan soalan mengenai produk akhir yang perlu dinilai .

Nama penyelidik : Anastasia anak Hyacinth

No.matrik : 40561

Latar belakang responden

Sila tandakan (/) di petak yang disediakan.

1. Jantina

Perempuan Lelaki

2. Umur

20-30 tahun

18-19 tahun

31-40 tahun

3. Bidang pekerjaan

Pelajar

Tidak bekerja

Bekerja

Sila tandakan setiap soalan dengan skala yang dediakan iaitu :

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju

Produk 1



No	Soalan	1	2	3	4	5
1	Keselesaan semasa menggunakan beg.					
2	Material/bahan yang digunakan					
3	Warna					
4	Nilai estetika					

Produk 2



No	Soalan	1	2	3	4	5
1	Keselesaan semasa menggunakan beg.					
2	Material/bahan yang digunakan					
3	Warna					
4	Nilai estetika					

Produk 3



No	Soalan	1	2	3	4	5
1	Keselesaan semasa menggunakan beg.					
2	Material/bahan yang digunakan					
3	Warna					
4	Nilai estetika					

Produk 4



No	Soalan	1	2	3	4	5
1	Keselesaan semasa menggunakan beg.					
2	Material/bahan yang digunakan					
3	Warna					
4	Nilai estetika					

Produk 5



No	Soalan	1	2	3	4	5
1	Keselesaian semasa menggunakan beg.					
2	Material/bahan yang digunakan					
3	Warna					
4	Nilai estetika					

Sekian, terima kasih

Penghargaan

Pada kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya untuk projek tahun akhir ini iaitu En . Asrul Asshadi Bin Mohamad Morni kerana banyak membantu dan memberi pendapat dan tunjuk ajar kepada saya dalam menjayakan projek ini daripada awal sehingga siap sepenuhnya . Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya ibu bapa, kakak dan nenek saya kerana selalu memberi semangat dan dorongan kepada saya dan juga banyak menyumbang dalam kewangan . Tidak lupa juga kepada rakan – rakan seperjuangan yang telah banyaka membantu dan memberi sokongan kepada saya sepanjang projek ini dijalankan . Tanpa mereka saya tidak dapat membuat projek ini dengan lancar . Selain itu , saya juga mengucapkan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini kerana sudi bekerjasama membantu saya untuk membuat kajian ini .

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada semua staff akademik fakulti seni gunaan dan kreatif .

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Abstrak	vi
<i>Abstract</i>	vii
 BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	2
1.2 Penyataan masalah	3
1.3 Persoalan kajian	3
1.4 Objektif kajian	3
1.5 Hipotesis	4
1.6 Kepentingan kajian	4
1.7 Skop kajian	4
1.8 Limitasi kajian	5
1.9 Kesimpulan	5

BAB 2 : KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	6
2.1 Latar belakang masyarakat Iban Dayak	6
2.2 Reka corak motif tatu Bunga Terung Iban	8
2.3 Motif yang diaplikasikan ke atas kulit kayu	11
2.4 Analisa produk sedia ada	12
2.5 Rumusan	14

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	15
3.1 Kaedah kualitatif	15
3.2 Data sekunder	15
3.3 Rajah carta aliran proses penyelidikan	16
3.4 Pemerhatian	17
3.5 Temubual	21
3.6 Internet	23
3.7 Tesis	26
3.8 Eksperomentasi	27
3.9 Soal selidik	32
3.10 Rumusan	34

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.0	Pengenalan	35
4.1	Pemerhatian	35
4.2	Soal selidik	36
4.3	Eksperimen	46

BAB 5 : PRODUK AKHIR

5.0	Pengenalan	48
5.0.1	Proses rekaan	48
5.1	Perkembangan idea	49
5.1.1	Papan konsep	49
5.1.2	Lakaran idea	50
5.1.3	Lakaran idea produk	52
5.2	Rekaan produk akhir	55
5.2.1	Rekaan produk 1	55
5.2.2	Rekaan produk 2	56
5.2.3	Rekaan produk 3	57
5.2.4	Rekaan produk 4	58
5.2.5	Rekaan produk 5	59
5.3	Kesimpulan	60

BAB 6 : VALIDASI PRODUK

6.0	Pengenalan	61
6.1	Proses validasi	61
6.2	Kekuatan produk	67
6.3	Kelemahan produk	67
6.4	Kesimpulan	67

BAB 7 KESIMPULAN

1.0	Kesimpulan	68
	Rujukan	69
	Buku	69
	Internet	69
	Lampiran A	70
	Costing sheet	70
	Lampiran B	75
	Pproduk akhir	75
	Lampiran C	80
	Panel	80
	Ppapan konsep	81
	Lampiran D	82
	Borang soal selidik	82
	Lampiran E	86
	Borang validasi	86

Abstract

The application of a motive or pattern of the Iban tribe in the product bag. The pattern or motif called 'flower eggplant' in Iban. The pattern adopted in this product means a tattoo motif pattern formed male Dayak tribe is a symbol of all things. Signs of initiation, a symbol of magical powers, as well as in relation to religion and to medical, travel memories or records of life. But the most accurate meaning of the tattoo motive for the Dayaks of Borneo is proof of manhood that will withstand suffering. Products of this bag is a combination of leather and leather material wood. The methodology used by the researchers in this project is the production process through qualitative and quantitative methods including questionnaires, interviews, observations, photography and assignment of secondary data. Secondary data is the finding of information from magazines, the Internet, newspapers, journals and scholarly books that have to do with the title of researcher. The data collected from these sources, it will help researchers study and used as a reference. Apart from the books available, the Internet is also used as an alternative. Materials used remedy this bag is made of bark. Bark studied and diarawat to see his suitability as the main raw materials for the design of this bag because it is a natural material. Preference product is to show that the product has value and part at the same time introduce Iban tattoo motif pattern that is applied to the bag.

Abstrak

Pengaplikasian motif atau corak suku kaum Iban yang dipanggil 'bunga terung' dalam bahasa Iban yang telah digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan produk tas tangan corak yang diguna pakai dalam produk ini bermaksud motif corak tato ditubuh lelaki suku kaum Dayak adalah sebagai simbol dari segala hal . Tanda inisiasi , simbol kekuatan magis , serta berhubung dengan religi dan untuk perubatan , kenangan perjalanan atau catatan kehidupan . Tetapi maksud yang paling tepat dari motif tato tersebut bagi suku kaum Dayak Kalimantan adalah bukti kelelakian yang tahan akan penderitaan . Produk beg tangan ini ialah gabungan antara material *leather* dan kulit kayu. Metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam proses penghasilan projek ini adalah kaedah melalui kualitatif dan kuantitatif antaranya soal selidik , temu bual , pemerhatian , fotografi dan pengumpulan data sekunder . Data sekunder merupakan dapatan maklumat daripada majalah , internet , surat khabar, jurnal dan buku ilmiah yang mempunyai kaitan dengan tajuk pengkaji . Hasil pengumpulan data daripada sumber ini, ia akan membantu kajian pengkaji dan digunakan sebagai rujukan . Selain daripada buku-buku yang sedia ada , internet juga digunakan sebagai alternatif lain . Bahan yang digunakan untk membuat produk beg ini ialah kulit kayu . Kulit kayu dikaji dan dirawat untuk melihat kesesuaiannya sebagai bahan material utama untuk rekaan beg ini kerana ia merupakan bahan yang semulajadi . Keutamaan produk ini ialah untuk memperlihatkan bahawa produk kraf ini mempunyai nilai dan sekaligus memperkenalkan corak motif tato Iban yang diaplikasikan ke atas beg tersebut .

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Dalam penyelidikan tahun akhir ini , saya akan menjalankan ekperimentasi teknik sulaman , teknik cetak dan penghsilan warna menggunakan pewarna batik pada kulit kayu takalong. Beberapa jenis teknik sulaman dan cetak akan dikaji untuk melihat kesesuaian terhadap kulit kayu takalong ini dari aspek karaktornya .Pokok takalong merupakan tumbuhan liar yang hidup di kawasan hutan . Nama saintifik pokok ini ialah *artocarpus atilis*. Pokok takalong ini merupakan sejenis tumbuhan yang bergetah dan banyak tumbuh di kepulauan Borneo , Indonesia dan Filipina . Pokok takalong ini terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis berdaun panjang dan bedaun lebar . Ketinggian pokok ini mencapai 12 kaki hingga 15 kaki panjang . Kulit kayu takalong banyak memberi manfaat kepada masyarakat Bidayuh di Sarawak .Suku kaum Bidayuh di Sarawak kaya dengan hasil kfurtangan yang unik dan mempunyai nilai komersil yang kebiasaanyan diperbuat daripada kulit kayu . Kulit kayu ini mudah didapati di hutan dan diproses melalui beberapa peringkat untuk menjadikannya sebagai kulit kayu yang lembut dan sesuai untuk dijadikan bahan membuat kfurtangan ataupun produk . Dalam penghasilan kraftanagn tradisional suku kaum Bidayuh seperti tikar *kerasah* , tali tancang tambok dan baju ia memainkan peranan seperti penggunaan asas seperti untuk tujuan seharian dalam kehidupan mereka . Pada zaman dahulu mereka ini lebih bijak dalam menyelesaikan permasalahan lalu mencipta pelbagai barang untuk kegunaan harian mereka Tambahan lagi kulit kayu takalong ini mempunyai gentian yang kuat dan tidak mudah rapuh dan mudah meresap warna.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penghasilan kraftangan seperti beg dan aksesori daripada kulit kayu . Penghasilan daripada bahan semula jadi seperti kulit kayu ini mempunyai keunikannya yang tersendiri . Pada asalnya , kulit kayu ini lebih gemar digunakan untuk membuat tali tancang tambok , baju ,tikar *kerasah* dan alaspelindung badan oleh masyarakat zaman dahulu . Kulit kayu yang telah diproses mempunyai tekstur yang unik dan mempunyai warna coklat gelap yang asli. Pada kebiasaannya , kulit kayu yang telah diproses ini juga digunakan untuk membuat tikar *kerasah* yang biasanya dibuat oleh kaum bidayuh di Sarawak . Selain itu , ada juga orang menggunakan kulit kayu ini sebagai baju *vest* .

Dengan menggunakan idea ini, penghasilan produk seperti beg dan aksesori akan direka khas mengikut kesesuaian tema produk yang akan dipilih . Bahan yang akan digunakan untuk menghasilkan produk ini adalah daripada kulit kayu. Kulit kayu ini akan dikupas dan direndam dalam air supaya ia bersifat lembut dan mudah dibentuk.

Penggunaan kulit kayu untuk membuat produk juga bertujuan membuahakan idea baru yang belum pernah diketengahkan dalam pembuatan beg dan aksesori . Hal ini, adalah disebabkan ramai yang tidak tahu bahan semula jadi seperti kulit kayu ini boleh digunakan untuk membuat produk aksesori fesyen .

1.1 PENYATAAN MASALAH

- Produk yang sedia ada mempunyai kurang pilihan dari segi rekaan bentuk dan motif.
- Karakter kulit kayu takalong perlu dikaji agar penyelesaian teknik sulaman dan cetak dapat diaplikasikan di atas strukturnya yang bersifat tebal , keras dan kasar.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah rawatan yang sesuai untuk melembutkan kulit kayu takalong?
2. Adakah tekstura kulit kayu takalong boleh diubah melalui proses rawatan?
3. Apakah teknik sulaman dan cetak yang sesuai untuk diaplikasi pada kulit kayu takalong?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- Untuk mengenal pasti jenis rawatan yang sesuai untuk diaplikasikan ke atas kulit kayu takalong yang boleh mengubah karakter kulit kayu tersebut.
- Untuk menghasilkan produk beg daripada material kulit kayu takalong .
- Untuk mengaplikasi teknik sulaman ,cetak dan rawatan warna yang berseuaian dengan kulit kayu takalong.
- Untuk membuat validasi terhadap produk akhir.

1.4 HIPOTESIS

Kajian terhadap teknik sulaman , cetak dan rawatan warna pada kulit kayu takalong tidak dieksploitasi kerana pengaplikasian teknik tersebut tidak popular dan jarang sekali digunakan khususnya dalam pasaran komersil. Oleh sebab itu , kulit kayu takalong mempunyai karakter yang kasar ,tebal dan keras. Faktor ini menyebabkan sukar untuk mengaplikasikan teknik sulaman, cetakan dan warna pada produk kraftangan .

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti potensi teknik sulaman , teknik cetak dan kaedah rawatan warna pada kulit kayu takalong untuk diaplikasikan pada produk beg dalam penghasilan produk kraftangan . Selain itu, kajian ini diharapkan dapat mendedahkan kepada masyarakat terhadap ciri-ciri komersil pada teknik sulam. Cetak dan warna yang diaplikasikan pada kulit kayu takalong dalm penghasilan produk kraf yang unik dan kreatif.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan kepada penghasilan teknik sulaman jenis gabungan mesin dan jahitan tangan. Selain itu, penggunaan teknik cetak *rubber paste* dan kaedah rawatan warna kulit kayu takalong. Tambahan itu, gabungan jahitan manik juga akan diaplikasikan pada material kulit kayu takalong.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini adalah disebabkan sumber kulit kayu terhad. Selain itu , juga penggunaan kulit kayu dalam produk yang dikomersilkan juga kurang . Kajian ini memfokuskan material kulit kayu sebanyak 70% sahaja dan penghasilan produk beg. Selebihnya dicampurkan dengan fabrik berasaskan gentian asli sebagai material tambahan. Tambahan lagi , penghasilan kraftangan lain yang juga berasaskan kulit kayu takalong juga boleh dibuat melalui idea yang pelbagai.

1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya dalm bab ini, data-data dapat diperolehi secara teratur terutama dari segi mengenal pasti dan cara penyelesaian melalui objektif kajian. Eksperimentasi daripada kulit kayu takalong mampu memberi penyelesaian kepada masalah rekaan produk yang dihasilkan daripada kulit kayu takalong yang terhad dari segi rekaan dan teksturnya yang keras dan tebal.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2. 0 PENGENALAN

Pengaplikasian motif suku kaum Iban Dayak untuk beg *clutch* merupakan satu produk baru daripada produk yang sedia ada. Hal ini adalah kerana penggunaan motif Bunga Terong belum pernah diaplikasikan untuk corak motif pada beg . Motif Bunga Terong yang diinspirasikan ini biasanya digunakan oleh masyarakat Iban untuk corak pada tatu di badan mereka .

2. 1 LATAR BELAKANG MASYARAKAT IBAN DAYAK

Orang Iban atau dikenali sebagai *Sea Dayaks* merupakan masyarakat yang teramai yang mendiami bumi kenyalang iaitu di Bahagian Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibuan dan Kapit (*Christensen,2003:23*). Menurut Peter Kedit yang merupakan seorang ahli Etnologi Muzium Sarawak, menyatakan bahawa Kaum Iban berhijrah pada pertengahan abad 16. Bilangan masyarakat Iban di Sarawak yang mencatat jumlah seramai 6000,000 melalui bancian pada tahun 2004. Orang Iban yang dahulunya digelar *Sea Dayaks* kerana mereka suka pergi ke laut atas tujuan *ngayau / headhunting* para pedagang. Menurut *Howell* (*1993: 15*) kaum ini dipercayai terlebih dahulu berhijrah ke Pulau Borneo daripada orang Melayu. Sebelum penghijrahan ke Pulau Borneo. Orang Iban dipercayai tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka berpindah akibat berlakunya peperangan, kebuluran akan tetapi punca yang sebenar masih tidak jelas. Walaupun mereka berpindah ke semenanjung, mereka enggan untuk menerima atau memeluk agama Islam.